

13/12/1999

Amalan rasuah ibarat gunting dalam lipatan

Cristina Patrik

SAYA kesal dan tidak berpuas hati dengan sikap segelintir rakyat yang mengamalkan rasuah. Walaupun banyak tindakan diambil kerajaan untuk membanteras rasuah, masih ada rakyat termasuk kakitangan kerajaan mengamalkannya. Mereka bertanggungjawab menegakkan undang-undang, malangnya mereka juga yang mengamalkan rasuah.

Apa yang menyedihkan, ada antara mereka mengambil kesempatan terhadap kesempatan orang lain dengan meminta ganjaran daripada keluarga mangsa terbabit.

Mereka membantu untuk mendapatkan habuan. Mereka enggan menolong tanpa ganjaran, sedangkan itu adalah tugas mereka. Golongan itu mengambil kesempatan terhadap sesiapa saja apatah lagi jika mangsa daripada orang berada.

Mengapa rasuah masih berlaku? Walaupun hanya segelintir daripada mereka bersikap demikian, ia boleh menjejaskan imej jabatan mereka.

Bukankah mereka dengan sukarela memilih jawatan itu untuk berkhidmat demi rakyat dan negara tanpa ganjaran daripada mangsa serta sanggup berkorban untuk negara?

Tapi ada pula yang cuba menyalahgunakan kuasa dan tidak ikhlas ketika berkhidmat. Kalaulah perkara sebegini berleluasa, apa yang akan terjadi pada negara. Bak kata pepatah, harapkan pagar, pagar makan padi.

Sia-sia saja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berusaha menjadikan negara kita negara aman dan bertamadun kerana ada pihak yang diamanahkan menjaga kesejahteraan rakyat dan negara bertindak seperti gunting dalam lipatan.

Apapun, masalah rasuah tidak dapat dibanteras jika tiada kesedaran dalam diri individu yang mengamalkan rasuah.